

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8 (34)
Tarikh : 07 Januari 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Tuan,

TARIKH PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI (SPB) VOT, TERIMAAN, AMANAH DAN DEPOSIT BAGI TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.7 Tahun 2018 (**Vot**), SPANM Bil.3 Tahun 2019 (**Terimaan**) dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PP) WP 10.4 (**Amanah**) telah menetapkan bahawa, SPB hendaklah dikemukakan ke Pejabat Perakaunan **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.**

3. Manakala SPANM Bil.4 Tahun 2019 (**Deposit**) menetapkan bahawa, SPB dan Senarai Baki Pendeposit hendaklah dikemukakan ke JANM Negeri/Cawangan dalam tempoh **14 hari dari hari pertama bekerja bulan berikutnya.** Merujuk juga kepada PP WP10.4 dan SPANM Bil.4 Tahun 2019, SPB Amanah dan Deposit perlu disalinkan kepada Bahagian Akaun Kementerian masing-masing.

4. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak (JANM Negeri Perak) memohon kerjasama daripada pihak tuan untuk mematuhi tarikh-tarikh penghantaran SPB seperti berikut:

BULAN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN SPB	
	VOT / TERIMAAN / AMANAH	DEPOSIT
Januari	11/02/2021	11/02/2021
Februari	12/03/2021	12/03/2021
Mac	14/04/2021	14/04/2021
April	12/05/2021	12/05/2021
Mei	14/06/2021	14/06/2021
Jun	14/07/2021	14/07/2021

Julai	13/08/2021	13/08/2021
Ogos	14/09/2021	14/09/2021
September	14/10/2021	14/10/2021
Oktober	12/11/2021	12/11/2021
November	14/12/2021	14/12/2021
Disember	14/01/2022	14/01/2022

5. Sehubungan itu, sekiranya pihak tuan gagal menghantar SPB pada tarikh yang telah ditetapkan, surat peringatan akan dikeluarkan.

6. Untuk pertanyaan lanjut, pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai Unit Akaun, JANM Negeri Perak di talian 05-2462100 sambungan 124/123/122/121/110/107. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan amat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**